

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (SETEMPAT)

TARIKH: 27 FEBRUARI 2018

MUKA SURAT: 16



## Ekspo jelajah tawar 100,000 rumah

**Subang:** Ekspo Jualan Perumahan-Ke Arah Sejuta Impian, Alami Gaya Hidup Sejahtera yang bakal memulakan siri jelajah seluruh negara bermula 1 Mac ini menawarkan lebih 100,000 unit rumah dengan menyasarkan pembeli berpendapatan rendah (B40) dan pertengahan (M40).

Ekspo itu inisiatif Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama Jabatan Perumahan Negara, Perbadanan Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PRIMA), Swarikat Perumahan Negara Berhad, Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) dan agensi di bawah kerajaan negeri.

Ketua Pegawai Eksekutif PRIMA Malaysia Datuk Abdul Mutalib Alias berkata, 10 lokasi dipilih iaitu Perak, Sabah, Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan, Sarawak, Perlis dan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor.

"Matlamat utama ekspo ini membuka peluang khususnya kepada golongan B40 dan M40 ini memiliki rumah dengan membantu mereka merancang kewangan terlebih dulu.

"Ekspo ini turut disertai institusi perbankan seperti Maybank, CIMB, RHB dan Ambank selain Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) serta Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional (PTPTN).

"Ia bertujuan menjadi pusat sehati kepada pengunjung yang membolehkan mereka membuat semakan terus mengenai status kewangan dan pinjaman sebelum membeli rumah berdasarkan kemampuan kewangan mereka," katanya pada sidang media di pejabat PRIMA Malaysia, semalam.